**DECLARE TOGETHER** *John 14:27<sup>ESV</sup> and John 20:21<sup>ESV</sup>* *Peace I leave with you; my peace I give to you. Not as the world gives do I give to you. Let not your hearts be troubled, neither let them be afraid.*

*Jesus said to them again, “Peace be with you. As the Father has sent me, even so I am sending you.”*

**BE STILL** DELIBERATELY PAUSE FOR A MOMENT, breathe deeply, thank God for His presence and release into His hands all that you have prayed.

**A SUGGESTED CLOSING SONG:  
FIND US FAITHFUL**

**1** We're pilgrims on the journey  
Of the narrow road  
And those who've gone before us  
Line the way  
Cheering on the faithful  
Encouraging the weary  
Their lives a stirring testament  
To God's sustaining grace

**2** Surrounded by so great  
A cloud of witnesses  
Let us run the race  
Not only for the prize  
But as those who've gone before us  
Let us leave to those behind us  
The heritage of faithfulness  
Passed on through godly lives

**Chorus**

*Oh may all who come behind us  
Find us faithful  
May the fire of our devotion  
Light their way  
May the footprints that we leave  
Lead them to believe  
And the lives we live  
Inspire them to obey  
Oh may all who come behind us  
Find us faithful*

**3** After all our hopes and dreams  
Have come and gone  
And our children sift thru all  
We've left behind  
May the clues that they discover  
And the mem'ries they uncover  
Become the light that leads them  
To the road we each must find

Link  
<https://youtu.be/mirAsQVMKE8>

**AN EXERCISE IN PRAYING WITHOUT CEASING**

Create your own daily timetable to intercede faithfully throughout each week. Build yourself into a rhythmic discipline to persevere in prayer. See if the Lord will not honour your faithful commitment!

**A SUGGESTED DAILY TIME TABLE FOR INTERCESSION**

	Monday	Tuesday	Wednesday	Thursday	Friday	Saturday
Morning	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic	Family Covid Pandemic
Noon	Church Lost	Church Lost	Church Lost	Church Lost	Church Lost	Church Lost
Evening	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice	Afflicted Social Justice
Night	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations	Nation Legal System Nations

# PANDUAN DOA MINGGUAN



## Berdoalah Kepada-Ku Pada Masa Kesusahan

*"Persembahkan kesyukuran kepada Allah, dan tunaikan janjimu kepada Yang Maha Tinggi, berdoalah kepada-Ku pada masa kesusahan; Aku akan menyelamatkanmu, dan kamu akan memuliakan-Ku."—Mazmur 50:14-15 AVB*

Ramai antara kita menyeru kepada Allah sekarang. Sekarang merupakan waktu yang susah untuk kebanyakan orang. Ramai yang mengalami pengangguran, hutang yang melambak, kemurungan, keluarga yang lapar, kesunyian, penyakit serta kematian pada musim *lockdown* yang berpanjangan ini. Pada waktu yang susah sebegini, sewaktu jiwa dan hati terbeban dan memerlukan galakan, keyakinan yang disampaikan Allah kita dalam Firman-Nya menyebabkan kita berterima kasih dan menari dengan penuh sukacita!

Apabila kita membaca seluruh mazmur ini mengikut konteksnya, Allah mengarahkan kita untuk menghentikan perbuatan munafik kita. Dia mahu keikhlasan kita. Inilah sebabnya hampir 70% daripada kitab Mazmur terdiri daripada ratapan! Allah inginkan doa yang sejati. Dia inginkan pengakuan yang telus. Dia rindu akan pujian ikhlas yang menyenangkan hati-Nya: korban kesyukuran yang berpunca daripada hati kita, serta penyembahan kita dalam Roh dan Kebenaran.

Secara terang-terang, Allah ingin kita menyeru kepada-Nya pada waktu susah, dan Dia akan menyelamatkan kita. Inilah janji-Nya: Tuhan AKAN menyelamatkan kita. Pertama, kita mesti mengakui Dia sebagai Penyelamat. Kita mesti tahu keadaan jiwa kita. Inilah langkah yang menunjukkan kerendahan hati kita, agar kita sedar bahawa kita berada dalam kesusahan – secara rohani, emosi, dan jasmani; bersertakan pengakuan dosa kita, ketidakikhlasan dan kemunafikan kita.

Kedua, ini merupakan satu langkah iman. Sewaktu Allah berfirman, "AKU AKAN", inilah janji-Nya bahawa Tuhan akan menyelamatkan mereka yang mengejar hadirat-Nya dengan sepenuh hati. Hati kita tenang sewaktu kita tertumpu pada Yesus, dan mengakui secara iman bahawa Dialah satu-satunya yang mampu menyelamatkan kita.

Allah ingin memuliakan Diri-Nya melalui kita, sewaktu kita memperbaharui hati kita dan membawa penghiburan serta harapan kepada orang lain melalui kesaksian tentang Allah dan pengalaman penyelamatan kita oleh kerana Dia di tengah-tengah waktu susah. Jadi, ketahuilah bahawa ia merupakan satu penghormatan sebagai anak Allah untuk membawa segala perkara kepada-Nya dalam doa. Semoga kita sentiasa setia dalam doa dan pujian selama kita ingin memuliakan-Nya melalui hidup kita sambil dipimpininya Yesus. AMIN.

Terima kasih kerana memakai panduan doa ini yang bermula sewaktu PKP bermula pada Mac 18, 2020. Pada hari ini, panduan doa tersebut terus mengalakkan umat Allah untuk terus berdoa tanpa henti, dalam kesyukuran dan doa syafaat, agar Kerajaan Allah ditubuhkan dan kehendak-Nya dilaksanakan pada waktu yang susah.

Anda dijemput untuk **P-R-A-Y**, iaitu, **\*Pause\*** (Berhenti sejenak) dan berdiam, **\*Rejoice\*** (Bersukacita) dengan Mazmur dan **\*Reflect\*** (Merenung) atas Alkitab. **\*Ask\*** (Minta) dalam doa syafaat agar Allah bekerja, dan **\*Yield\*** (Serahkan) kepada kehendak-Nya dalam hidupmu.

## FOKUS BULAN INI

### Pandemik Covid-19

**Doakan penularan virus dan varian baru akan berhenti**

### Menemui Kristus

**Doakan 5 orang untuk bertemu dengan Kristus, dan semoga kita berani menjadi pengutus Berita Baik Yesus Kristus.**

### Berhenti untuk Memuji 7 kali Sehari

**Menetapkan penggera kita dan mendisiplinkan diri untuk berhenti serta memuji Dia 7 kali sehari sehingga ia menjadi satu tabiat**

**PAUSE BERDIAM, Diamkan diri secara sengaja** - Tarik nafas yang dalam, dan alu-alukan hadirat Roh Kudus.

**BACA DAN RENUNGAN** Mazmur 50:1-23

### DOA PERTAUBATAN

Abba Bapa, semangat kita terkecai dan jiwa kita telah putus asa kerana kita memikul beban dengan bahu kita yang kecil, sambil berfikir bahawa kita mampu melakukan demikian. Sewaktu dunia kita hancur di sekelilingi kita, kita berlari ke arah-Mu, kerana kita tahu bahawa tiada orang selain Engkau yang kita boleh harapkan.

Ampuni keangkuhan kita serta pemikiran bahawa kita mampu menjaga diri sendiri. Kita mengakui bahawa kita terlalu sombong dan tidak percaya pada-Mu untuk menyelamatkan kita. Kita masih belum belajar untuk berteduh sepenuhnya di dalam pelukan-Mu. Namun, Engkau tidak menghukum kita sewajar dengan dosa kita, tetapi menerima kita dengan belas kasihan dan kasih karunia, oleh kerana kasih-Mu untuk kita.

Engkau inginkan doa dan pujian yang bersungguh-sungguh, dan bukan melihat prestasi kita. Kita bertaubat daripada sifat munafik kita yang bertujuan memanfaatkan diri sendiri sahaja, kerana kita tidak melayan Engkau dengan sewajarnya. Pulihkan kita, ya Allah, agar kita boleh memuliakan Engkau melalui kesaksian kita hari ini. Dalam nama Yesus kita berdoa, AMIN.

### REJOICE PENYEMBAHAN

#### PUJIAN DAN KESYUKURAN

Tuhan Allah, kita mengasihi kerana Engkau terlebih dahulu mengasihi kita. Kasih-Mu tiada batasnya. Kita tidak dapat mengukur batas kasih-Mu, betapa tinggi, dalam, dan lebarnya!

Di tengah-tengah pergelutan dengan musim COVID-19 yang berpanjangan, kita memilih untuk terus memuji Engkau, menyembah Engkau, percaya pada-Mu, dan merendahkan diri di hadirat-Mu, kerana Engkaulah Sang Pencipta. Kita menyatakan bahawa Engkaulah yang Maha Kuasa atas segalanya – baik mahupun buruk, di dalam “7 tahun yang penuh berkat serta 7 tahun yang ketandusan.”

Kita memilih untuk mengejar hadirat-Mu, Tuhan yang memberikan segala keperluan kita, dengan penuh pujian, kesyukuran dan penyembahan berdasarkan kebenaran Firman-Mu. Pujian kita adalah peringatan bahawa Engkau masih berkuasa atas segala-galanya, dan Engkau tahu apa yang kita akan hadapi pada waktu depan!

Terima kasih, ya Tuhan, kerana Engkau menukarkan cabaran dan situasi kita, dan Engkau yang menukarkan air kepada wain akan menjanakan pengalaman yang baru, yang baik, dan yang luarbiasa daripada yang lama, yang penuh dengan kepahitan, dan yang tidak berguna! Sememangnya, ya Allah Bapa yang setia dan berkuasa, janji-Mu adalah Ya dan AMIN!

Kita menghadapi Engkau dalam kuasa janji-Mu, Tuhan Yesus, bahawa Engkau sentiasa menyertai kita untuk selama-lamanya. Kita menghadapi Engkau, ya Roh Kudus, kerana Engkau bersama kita: Penghibur, Guru, dan Pembimbing kita. Ajarlah kita berdoa sewaktu kita lemah. Engkau, ya Allah Tritunggal, layak menerima segala pujian dan penghormatan, kemuliaan dan kuasa! BETAPA BESAR KASIH SETIAMU! AMIN.

**ASK BERMINTA** Pakailah perkataan diri sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – **dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan** (Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai doa ini).



#### LAGU CADANGAN: KAMI MEMUJI KEBESARANMU

1. Bila kulihat bintang gemerlapan  
Dan bunyi guruh riuh 'ku dengar  
Ya Tuhanku tak putus a - ku heran  
Melihat ciptaan-Mu yang besar

*Reff:*  
Kami memuji kebesaranMu  
Ajaib Tuhan ajaib Tuhan  
Kami memuji kebesaranMu  
Ajaib Tuhan, ajaib Tuhan

2. Ya Tuhanku, pabila kurenungkan  
PemberianMu dalam Penebus  
Ku tertegun bagiku dicurahkan  
Oleh Putra-Mu darah-Nya kudus

Pautan:  
[https://www.youtube.com/watch?v=BFI2IQ8\\_7So](https://www.youtube.com/watch?v=BFI2IQ8_7So)



## DOA SYAFAAT

### 1. PENYELAMATAN DARIPADA PANDEMIK

- a. **Kebijaksanaan untuk pihak berkuasa Selangor dan Kuala Lumpur memandangkan PKPD diperketatkan.** Doakan agar pihak berkuasa akan mengemudikan Malaysia untuk mengatasi pandemik ini dengan selamat dan penuh bijaksana melalui PKP 3.0 yang telah dilanjutkan. Doakan khususnya untuk Selangor dan Kuala Lumpur memandangkan kedua-dua kawasan ini berada di bawah PKPD, yakni mengandungi syarat-syarat yang paling ketat setakat ini, di mana sektor perkilangan diarahkan berhenti walaupun banyak syarikat di bawah sektor perkilangan memainkan peranan penting di dalam rantai bekalan sedunia;
- b. **Perlindungan daripada varian virus baru.** Marilah kita doakan perlindungan daripada varian virus baru seperti Covid Delta [96 negara sudah dijangkiti virus ini] dan Covid Lambda yang lebih senang berjangkit. Marilah kita tekun berdoa agar lebih ramai orang akan sembuh memandangkan kadar kematian yang mencemaskan, dan kadar jangkitan masih tinggi, serta laporan kes harian yang dijangka kurang tepat. Doa agar oleh kerana belas kasihan Allah, Dia akan menghentikan wabak ini serta mutasi virus, dan memulihkan negara kita, walaupun pada bulan Jun terdapat 246 orang yang dibawa ke hospital secara *Kematian Dibawa Hospital* atau "*Brought-in-Dead*" [BID], menunjukkan jumlah peningkatan sebanyak 7 kali daripada 35 kes pada bulan April;
- c. **Ujian saringan yang berterusan, laporan konsisten serta bekalan yang mencukupi.** Doakan agar terdapat bekalan yang mencukupi dalam memerangi pandemik ini. Doakan pihak berkuasa akan menjalankan ujian saringan secara berterusan dan data yang tepat akan diterbitkan, agar dapat menangani dan membendung penularan di kawasan-kawasan tertentu serta menurunkan kadar kematian. Doakan agar kita tahu keadaan penularan jangkitan Covid-19 yang sebenarnya;
- d. **Kuatkan Pekerja Baris Hadapan dan Membaik Pulih Faedah Doktor Kontrak.** Kita bersyukur kepada Allah untuk pekerja baris hadapan yang bertungkus-lumus selama 18 bulan ini. Terus doakan agar mereka dipelihara daripada keletihan dan jangkitan. Doakan agar doctor kontrak akan dilayan dengan sewajarnya dan adil oleh Kementerian Kesihatan; untuk perubahan di dalam dasar-dasar agar doktor kontrak diberi faedah yang selaras dengan titik peluh serta pengorbanan mereka. Doakan kebijaksanaan dan belas kasihan sewaktu mereka menguruskan jumlah pesakit yang memerlukan rawatan segera yang semakin meningkat. Doakan agar lebih ramai lagi sukarelawan perubatan dan kemudahan perubatan swasta akan memberi pertolongan;
- e. **Agar sistem kesihatan akan bertahan.** Hospital awam sedang mengalami situasi yang sangat mencabar, memandangkan kekurangan kemudahan yang sedia ada, terutamanya di dalam Lembah Kelang, di mana terdapat lebih banyak wad ICU dan wad umum ditukar menjadi wad Covid. Peningkatan kadar kematian, terutamanya mereka yang *Mati Dibawa Hospital* atau "*Brought-In-Dead*" (BID) amat membimbangkan kerana ini menunjukkan bahawa ramai orang tidak sedar bahawa mereka dijangkiti, ataupun hospital-hospital tidak mampu menampung kes-kes kritikal. Doakan agar lebih banyak bekalan dan tenaga kerja disediakan untuk mengatasi cabaran ini – termasuk katil, sukarelawan, bekalan alat kesihatan, ubat, dan oksigen yang mencukupi.
- f. **Untuk pesakit dan yang dijangkiti.** Kita turut bersedih memandangkan kadar kematian yang melonjak, terutamanya kes kematian akibat COVID-19 yang dibawa ke hospital atau *brought-in-dead* (BID) serta kekurangan katil untuk mereka yang memerlukan rawatan kecemasan. Doakan pesakit di ICU bahawa mereka akan pulih. Doa untuk penyembuhan dan pertolongan, agar jasmani dan rohani pesakit diperkuatkan. Doakan agar penularan jangkitan akan dihentikan di seluruh negara. Ingati mereka yang sedang menderita akibat kesan Covid-19 yang berpanjangan agar mereka akan pulih dengan sepenuhnya;
- g. **Golongan yang paling mudah terjejas.** Minta daripada Allah untuk melindungi golongan yang berusia dan mereka yang mempunyai penyakit kronik, serta golongan belia dan kanak-kanak. Doakan mereka yang mengalami cabaran mental yang berasa kemurungan, resah, dan tidak berupaya. Doakan agar setiap orang mampu menerima pertolongan yang sewajarnya, walaupun statistik menunjukkan bahawa terdapat 4 kes bunuh diri setiap hari secara purata dalam tiga bulan pertama tahun ini;

- h. Untuk pembelajaran dari rumah, guru-guru, dan keluarga dengan anak muda di rumah.** Kita berterima kasih kepada Allah kerana sekolah-sekolah telah tutup untuk menjamin keselamatan para guru dan pelajar di rumah. Kita doakan agar usaha belajar dari rumah akan berjaya; bahawa setiap kanak-kanak akan mempunyai peranti yang secukupnya dan berterima kasih kepada mereka yang menyumbangkan peranti tersebut. Doakan agar para guru akan fasih dan cekap dalam menyediakan pelajaran dalam talian, dan minat dalam cara mengajar yang baru ini. Doakan agar ibubapa serta ahli keluarga lain akan bekerjasama secara kreatif dalam penjagaan kanak-kanak. Berdoa untuk ibubapa tunggal supaya mereka mendapat sokongan yang secukupnya;
- i. Kejayaan melaksanakan Program Imunisasi.** Kita bersyukur kerana pelaksanaan program imunisasi semakin dipercepatkan dan pihak awam menyokong usaha tersebut. Doakan agar terdapat bekalan vaksin yang mencukupi memandangkan usaha pemvaksinan yang dipercepatkan. Kita berterima kasih bahawa bekalan vaksin baru telah sampai, dan bersyukur atas kemurahan hati negara lain seperti Jepun dan Amerika Syarikat atas sumbangan mereka. Kita berterima kasih kerana lebih ramai sukarelawan perubatan tampil ke hadapan untuk menolong. Doakan agar program imunisasi akan berjaya memandangkan usaha ini akan melindungi lebih banyak nyawa dan membenarkan ekonomi pulih secepat mungkin. Doakan agar rakyat akan menerima sebarang vaksin yang disediakan. Doakan agar semua orang akan melihat betapa pentingnya menerima vaksin tanpa memilih jenis vaksin dan memenuhi tanggungjawab kita untuk "*Saling Mengasihi Sesama Sendiri*";
- j. Keadilan dalam pengagihan vaksin.** Kita bersyukur kerana kerajaan dan pihak NGO berusaha memastikan bahawa semua orang akan menerima vaksin, termasuk mereka yang bukan warganegara, pendatang, pelarian, yang miskin dan ditindas, serta orang yang berada di kawasan pedalaman. Kita juga bersyukur bahawa orang gelandangan turut tergolong dalam program imunisasi. Kita berterima kasih kerana kerajaan negeri Selangor sedang menjalankan usaha pemvaksinan penduduk di Mentari Court pada PKPD ini. Doakan agar pihak berkuasa akan melayan golongan pendatang dan pelarian dengan adil dan saksama pada waktu yang genting ini dalam pengagihan vaksin – agar imuniti kelompok dapat dicapai secepat mungkin dan keselamatan awam dipelihara. Doakan agar tiada yang menarik diri pada saat terakhir, mengakibatkan pembaziran;
- k. Berbelas kasihan dan berlaku adil.** Doakan pihak berkuasa akan berlaku adil dalam segala hal sewaktu menyaman mereka yang melanggar SOP tanpa membezakan antara yang kaya dan berkuasa dengan yang miskin dan biasa;
- l. Perlindungan daripada kemelesetan ekonomi.** Pandangan umum kebanyakan ahli ekonomi dan peniaga di Malaysia adalah negara ini tidak mampu bertahan dengan sebarang penyekatan yang berlanjutan, dan ini akan menyebabkan kemelesetan ekonomi. Malaysia menduduki tangga terakhir di dalam senarai oleh *The Economist* yang menunjukkan 50 buah negara yang akan pulih paling cepat daripada pandemik ini [melalui ukuran pelancongan, aktiviti sosial, dan perniagaan komersial]. Bank Dunia juga menurunkan kadar GDP Malaysia ke 4.5% untuk 2021 daripada 6% pada awalnya.
- Pandemik Covid ini juga memudaratkan pelbagai sektor masyarakat dan ekonomi – dari penutupan kilang-kilang yang menghasilkan barang untuk eksport ke PKS (perusahaan kecil dan sederhana), kedai-kedai, restoran-restoran, hotel-hotel, dan sector pelancongan yang semuanya dijangka akan dilumpuhkan. Lebih banyak perniagaan telah menggulung tikar serta kehilangan kerja, di mana ramai antara kita tidak mampu memenuhi keperluan asas harian. Pada minggu lepas sahaja, dilaporkan bahawa gerakan bendera putih yang menunjukkan bahawa seseorang memerlukan keperluan asas telah menjanakan sebanyak 73,000 reaksi! Penyekatan yang berpanjangan ini telah memudaratkan individu-individu, golongan terjejas dan miskin, dan perniagaan kecil, kerana mereka tidak dapat menjanakan pendapatan yang secukupnya untuk meneruskan perniagaan ataupun menyediakan keperluan asas harian. Ramai orang tidak mampu melunaskan hutang mereka, dengan lebih banyak lagi berhadapan dengan penutupan perniagaan, kemuffisan, pemotongan gaji, dan pengangguran.
- Jadi, marilah kita berdoa agar pihak berkuasa mempunyai kebijaksanaan serta bersatu hati dalam mengendalikan hal-hal penting yang akan memberi kesan kepada ekonomi serta pengendalian penyekatan, agar perniagaan dan rakyat tidak lagi menghadapi kekeliruan dan keadaan yang menawarkan hati, supaya ekonomi boleh pulih secepat mungkin;
- m. Kelesuan memerangi pandemik dan kemarahan orang awam terhadap pelanjutan PKPD.** Doakan agar kestabilan sosial, ekonomi, dan politik negara ini akan dipelihara walaupun pihak awam sudah

kecewa. Doakan agar pihak awam akan bersatu dalam memerangi pandemik ini, agar semua akan berdisiplin mengikuti SOP PKP terkini untuk keselamatan awam dengan sepenuhnya, terutamanya mereka yang berada di bawah zon PKPD. Doakan pihak awam akan sabar, berdisiplin, dan tetap bertanggungjawab walaupun sudah keletihan sambil berhadapan dengan pelbagai cabaran. Untuk golongan muda dan bertenaga, kita doakan agar Allah memberikan mereka daya penahanan dan kewaspadaan yang mencukupi supaya tidak memainkan peranan dalam penularan penyakit ini. Doakan agar mereka akan rela menolong dalam segala hal;

- n. **Pemulihan sektor pekerjaan akibat pengangguran oleh kerana Covid-19.** Doakan situasi pekerjaan akan pulih, serta perlindungan daripada tekanan dan perasaan putus harapan, dan para majikan akan memberi pertolongan yang wajar kepada pekerja yang terjejas, termasuk mereka yang *kais pagi, makan pagi*, serta pekerja asing. Doakan pemilik perniagaan akan sentiasa berjaga-jaga untuk mengelakkan penularan virus di tempat kerja. Doakan agar tuan tanah akan bersimpati terhadap penyewa mereka;
- o. **Para mubaligh dan penanam gereja yang melayan di negara yang mempunyai kadar jangkitan yang tinggi.** Semoga Allah memberi mereka kata-kata yang penuh hikmat dan harapan, serta mengurapi mereka dengan keyakinan serta perlindungan sewaktu mereka mengasihi dan melayan orang di sekeliling tanpa berasa takut mahupun resah. Doakan agar gereja yang mengutuskan para mubaligh ini akan terus memberi sokongan dan dorongan yang sewajarnya;
- p. **Pengguna media sosial akan bijaksana.** Mintalah Allah untuk menyekat kita daripada menularkan sebarang maklumat salah yang menyebabkan orang lain menarik diri daripada menerima vaksin, menakutkan orang ramai, ataupun menawarkan hati orang lain. Semoga kita menjadi teladan yang baik sewaktu menggunakan media sosial sebagai jiran yang prihatin serta warganegara yang bertanggungjawab. Semoga kita mengelakkan sebarang keresahan, panik, dan segala fikiran negatif;
- q. **Negara Asia lain yang dilandai varian-varian baru Covid-19.** Marilah kita terus doakan negara-negara di Asia yang mengalami gelombang jangkitan varian yang baru seperti India dan Indonesia. Doakan agar belas kasihan Allah akan menghentikan pandemik ini daripada kesan yang lebih teruk di seluruh dunia, terutamanya dengan kemunculan varian Delta dan Lambda. Kita doakan untuk acara seperti Sukan Olimpik di Jepun, untuk keselamatan para atlet dan peserta. Doakan agar kerajaan-kerajaan dapat bertindak dengan pantas secara bertanggungjawab. Kita berdoa agar orang tidak akan lalai terlalu awal. Doakan agar negara kaya yang mempunyai stok vaksin serta alat perubatan yang lebih akan berkongsi dengan negara lain yang miskin.

## 2. PEMULIHAN NEGARA

- a. **Penyucian suasana rohani.** Sekali lagi kita mendengar desas-desus perolakan politik di negara kita, marilah kita terus berdoa untuk menyucikan suasana rohani di Malaysia dalam nama Yesus yang berkuasa, kerana Dia adalah "matahari yang penuh perbenaran akan terbit dengan membawa kesembuhan pada sayapnya." Hanya Dia yang boleh mengatasi kuasa-kuasa jahat dan membawa terang, harapan dan kesejahteraan *SHALOM* kepada Malaysia. Doa agar Allah menewaskan setiap kejahatan dalam segala hal-ehwal politik yang rakus akan kuasa dan kekayaan, terutamanya mereka yang tamak kuasa dan ingin mencetuskan perasaan cemas dalam negara melalui bangsa, agama, dan kerabat di-Raja serta mengancam kesihatan orang awam – dengan mengadakan pilihanraya umum untuk kepentingan diri sendiri;
- b. **Sinarkan terang-Nya atas kegelapan di Malaysia.** Untuk membongkarkan segala motif tersembunyi di kalangan mereka yang mempunyai cita-cita peribadi untuk memegang kuasa, serta menyebabkan kuasa jahat lari lintang-pukang dalam nama Yesus yang berkuasa. Doa agar kuasa Kristus akan menghancurkan kuasa jahat di merata tempat, di kampung mahupun di bandar, serta menubuhkan sumber kuasa kebencian dan kejahatan di Malaysia;

"TUJUH KALI SEHARI AKU MEMUJI-MU KERANA HUKUM-HUKUM-MU YANG BENAR."

Mazmur 119:144 AVB

Pujian memulakan Tuhan. Semakin sibuk kita, semakin kita memerlukan Tuhan. Semakin kita perlu berhenti sejenak untuk berdoa dan memuji:

- Semakin kita perlu bersuka-suka sentiasa, berdoa tanpa henti dan bersyukur dalam segala keadaan.
- Untuk mengubah rutin harian kita untuk mendekatkan kita dengan Tuhan dan memulakan-Nya.
- Untuk membawa kehadiran Tuhan ke dalam situasi harian kita.
- Untuk menghadirkan suatu gaya hidup doa yang terasa seperti beritama dan menjadi kebiasaan seperti bernafas yang membawa kedamaian, menjaga hati dan fikiran kita di dalam Tuhan Yesus Kristus.

PANGGILAN UNTUK BERTINDAK

**24-7 DOA ASIA**  
DOA | MISI | KEBERHAJATAN

- c. Keadaan ekonomi Kerajaan yang sedang tenat.** Kerajaan terpaksa terus menyediakan pakej stimulus untuk menampung kehidupan kebanyakan rakyat Malaysia di dalam penyekatan yang terkini, yang tidak mampu berterusan dan memudaratkan keadaan ekonomi kerajaan. Kerajaan perlu menyediakan lebih banyak bantuan dan meningkatkan perbelanjaan sosial dan kesihatan, sekali lagi menegaskan betapa pentingnya mengutamakan hal yang terutama, menyesuaikan belanjawan, dan mengimbangkan perbelanjaan

Jumlah simpanan wang Kerajaan Persekutuan semakin kurang, memandangkan RM150 billion lagi telah diperuntukkan dalam usaha terkini memerangi pandemik ini. Doakan agar dasar strategik akan diimplementasi dengan berkesan untuk mengelakkan kebarangkalian krisis kewangan kebangsaan daripada berlaku. Doakan agar kerajaan akan bijaksana dalam mengendalikan perbelanjaan, walaupun kerajaan telah membenarkan rakyat untuk mengeluarkan duit daripada akaun KWSP mereka – duit yang sepatutnya disimpan untuk masa depan mereka;

- d. Mengatasi gejala rasuah dan politik kewangan.** Doakan kestabilan politik di negara ini, memandangkan pihak media telah melaporkan kemarahan rakyat terhadap pentadbiran mantan kerajaan dalam kegagalan menangani pandemik ini, serta pelbagai tuduhan terhadap pentadbiran kerajaan mahupun kerabat diraja yang melibatkan rasuah dan penyelewengan wang. Doakan agar Ketua Polis Negara dan Polis Di-Raja Malaysia akan dilindungi daripada gejala rasuah dan pengaruh pelbagai sindiket jenayah terancang.

Doa agar politik kewangan akan dibasmikan serta gejala rasuah dan penyelewengan wang kerajaan melalui pelbagai syarikat berkaitan dengan kerajaan akan berhenti selain daripada memanfaatkan negara dan semua *Rakyat*. Doa agar keadilan dan kebenaran akan ditegakkan di mahkamah. **Doa kepada Allah** untuk calon-calon yang amanah serta bijaksana akan bangkit untuk melayan rakyat dan bukan memperkayakan diri sendiri, serta memimpin negara ini dengan penuh amanah dan keikhlasan supaya kita sebagai sebuah negara akan menjadi cemerlang;



- e. Kebertanggungjawaban dan pentadbiran urus baik.** Kebertanggungjawaban pada setiap lapisan kerajaan, terutamanya bermula dari Perdana Menteri ke Kabinet hingga ke penjawat awam. Doakan Ketua Polis Negara (*IGP*) serta pasukan polis negara juga. Doakan para Ahli Parlimen supaya mereka setia kepada pengundi-pengundi mereka tanpa mengambil kesempatan melompat dari satu parti ke parti yang lain;
- f. Persidangan Parlimen Khas.** Kita bersyukur kepada Allah kerana persidangan Parlimen khas akan bermula dari Julai 26 ke Ogos 2. Persidangan *Dewan Rakyat* akan bermula dari Julai 26 ke Ogos 2, manakala persidangan *Dewan Negara* akan bermula dari Ogos 3 ke Ogos 5. Persidangan ini akan berlaku untuk mengutarakan pelan pemulihan negara kepada penggubal undang-undang serta mengkaji semula undang-undang yang diperlukan untuk menganjurkan persidangan Parlimen hibrid. Marilah kita terus berdoa untuk persidangan Parlimen yang penuh dalam masa yang terdekat. Marilah kita juga doakan agar Perintah Darurat Kebangsaan tidak akan dilanjutkan selepas Ogos 1 agar negara ini dapat diperintah dengan sewajarnya;
- g. Kecemerlangan dalam segala hal.** Doakan agar roh yang merosotkan masyarakat, mengurangkan kadar produktiviti kebangsaan serta mengongkang minda rakyat diganti oleh semangat kecemerlangan, agar negara ini akan maju dan makmur, dan tiada satu pun suku, bangsa, dan agama yang ketinggalan. Doakan untuk usaha penggajian guru-guru untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga guru sepertimana yang diumumkan kerajaan Malaysia baru-baru ini, agar Malaysia akan mempunyai guru-guru yang cekap dalam hal-ehwal mengajar serta bermoral dan dedikasi di dalam panggilan ini. Doakan agar guru-guru akan dipilih mengikut kebolehan masing-masing.
- h. Bertaubat daripada penganiayaan pelarian dan pendatang asing.** Malaysia telah turun ke Tahap 3, iaitu tahap terendah di dalam Laporan Pemerdagangan Manusia (2021) dari Tahap 2 oleh kerana kemerosotan dalam hal-ehwal tempat kerja serta paksaan atas pekerja, terutamanya di dalam sektor perkilangan sarung tangan dan ladang kelapa sawit – bertambah pula dengan pemerdagangan

manusia untuk tujuan eksploitasi seksual serta penyeludupan pendatang asing secara haram. Kita meratap kerana negara kita telah merosot dalam hal kebajikan pekerja asing, pendatang dan pelarian. Walaupun kita berada di tengah-tengah pandemik Covid, orang pelarian dan pendatang asing berhadapan dengan serbuan dan tuduhan jenayah. Marilah kita berdoa agar kita serta umat Kristian lain dapat mempertahankan hak golongan yang teraniaya dan ditindas.

Marilah kita doa agar kerajaan Malaysia akan berusaha menghapuskan gejala rasuah di kalangan penguatkuasa seperti imigresen, tentera, dan polis yang bersalah kerana berganding bahu dengan para penjenayah dalam hal perdagangan manusia. Doakan untuk sektor swasta di kalangan peniaga untuk melayani pekerja mereka dengan sewajarnya dan baik. Doa supaya Allah akan memecahkan rantai aktiviti jenayah ini.

- i. **Damai Allah menguasai keadaan ketidakstabilan politik sekarang.** Memandangkan negara kita berhadapan dengan ketidakstabilan politik pada masa ini, doakan agar semua rancangan peribadi untuk merampas kuasa daripada mantan kerajaan tidak akan menjejaskan pentadbiran negara kita. Doakan agar Perdana Menteri menerima penyembuhan sepenuhnya supaya dia dapat kembali memimpin negara secepat mungkin. Kita juga doakan agar Timbalan Perdana Menteri serta Menteri Kanan yang baru dilantik akan berkhidmat untuk Malaysia dengan penuh keikhlasan dan amanah.

### 3. GEREJA

- a. **Seruan untuk melayan masyarakat.** Doa agar kita tidak berasa takut akan dijangkiti Covid-19, tetapi tampil ke depan dalam iman untuk membawa harapan sewaktu melayani masyarakat dengan penuh belas kasihan selama terdapat rakyat yang memerlukan bantuan melalui *Gerakan Bendera Putih*. Doakan agar umat Kristian akan mencontohi tokoh iman pada zaman gereja awal, di mana mereka melayani masyarakat dengan penuh kasih untuk mereka yang ditimpa wabak dahulu;
- b. **Seruan untuk sentiasa bersedia.** Doakan kebijaksanaan di kalangan pemimpin dan pekerja gereja agar mereka diberi hikmat dan kebijaksanaan supaya bersedia memenuhi keperluan rohani apabila pandemik ini berakhir – dalam hal pengembalaan, pelayanan misi, dan pelaksanaannya. Doakan agar mereka akan bersedia menghadapi kesan daripada kemudahan digital yang mungkin menyebabkan penurunan jumlah jemaat di ibadahnya fizikal kerana mereka lebih selesa menyertai dari rumah masing-masing, serta mengeratkan hubungan dengan domba-domba yang tidak bersemuka sepanjang 18 bulan ini.

### 4. DOA UNTUK MEREKA YANG SESAT

- a. **Doa-untuk-5.** Doakan 5 orang setiap hari, termasuk keluarga dan rakan-rakan, agar mereka mengenali Yesus Kristus dan kasih-Nya dan menerima penyelamatan. Tuliskan nama dan doakan mereka **SETIAP HARI** tanpa berputus asa;
- b. **Kasih dan belas kasihan.** Doa supaya kita mempunyai kasih dan belas kasihan untuk mereka yang sesat. Semoga kita peka terhadap peluang untuk mendoakan orang yang tidak dikenali, bernubuat, dan membawa pemulihan serta kesembuhan, agar mereka sedar bahawa ini perjumpaan yang luarbiasa, dan mereka akan menerima penyelamatan setelah mendengar Berita Baik;
- c. **Peluang untuk berkongsi.** Doakan agar Roh Kudus memberi anda peluang untuk menyebarkan Injil kepada sesiapa yang bersedia menerimanya. Doa agar kita tidak akan malu oleh kerana Kristus, tetapi bersedia untuk mengisytiharkan Dia pada setiap waktu, dan dipakai sebagai bejana Allah untuk memberkati ramai orang, kerana alangkah indahnya melihat kaki mereka yang membawa Berita Baik! Mintalah kekuatan dan keberanian daripada Allah dalam melakukan demikian walaupun kita tidak berasa selesa.
- d. **Berhadapan dengan urusan yang belum selesai.** Sebagai murid Kristus, Tuhan Yesus Kristus kita telah memberi kepada kita amanat-Nya agar kita menjadi saksi-Nya ke seluruh dunia, dan telah

**AKU BERKATA KEPADAMU BAHAWA BEGITU JUGALAH  
KEGEMBIRAAN DI SYURGA KERANA SEORANG YANG  
BERDOSA BERTAUBAT LEBIH DARIPADA KEGEMBIRAAN  
KE ATAS SEMBILAN PULUH SEMBILAN ORANG YANG  
BENAR YANG TIDAK PERLU BERTAUBAT."**

*Lukas 15:1 AVB*



- Berdoalah untuk 5 orang setiap hari - rakan-rakan dan keluarga - agar mereka dapat menemui kasih Tuhan Yesus Kristus kita dan diselamatkan. [Ikat 5 simpul pada seutas tali, atau ikat 5 biji manik dalam seutas tali atau gelang dan pakailah untuk mengingatkan anda supaya mendoakan mereka setiap hari.]
- Berdoalah agar lebih ramai pekerja dihantar ke ladang menuai. "Kata Yesus kepada murid-murid-Nya, "Tuaian banyak sekali tetapi penuai hanya segelintir. Berdoalah dengan bersungguh-sungguh kepada tuan yang empunya tuaian itu supaya menghantar pekerja untuk menuai." - Matius 9: 37-38 AVB

memperkasakan kita dengan Roh Kudus-Nya pada Hari Pentakosta untuk melengkapkan urusan ini. Pada hari ini, marilah kita berdoa agar Dia akan tolong kita menumpukan fokus kerana urusan kita masih belum selesai. Tuhan kita telah mengurniakan kita dengan kuasa dan buah Roh Kudus-Nya. Yakni, marilah kita berdoa agar kita dipakai mengikut kehendak-Nya dalam hal pelayanan dan kesaksian.

**5. DOA SPONTAN**

*Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda pada musim ini, terutamanya hal yang berkait dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebaskan hati anda sekarang.*

**YIELD MENYERAH DIRI**

*Marilah serahkan jiwa kita dengan sepenuh hati kepada kehendak Bapa Syurgawi, agar di mana kita ditempatkan, kita akan menjadi berkat kepada setiap jiwa.*

**DOA PENUTUP MENYATAKAN DATANGNYA KERAJAAN-NYA – DOA BAPA KAMI *Matius 6:9-13* <sup>AVB</sup>**

*“Ya Bapa kami yang di syurga, sucilah nama-Mu. Datanglah kerajaan-Mu. Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga. Berilah kami makanan untuk hari ini. Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami. Janganlah biarkan kami tergoda, tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat. Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. AMIN.”*

**NYATAKAN *Yohanes 14:27* <sup>AVB</sup> dan *Yohanes 20:21* <sup>AVB</sup> BERSAMA-SAMA**

*“Sejahtera Kutinggalkan bagimu. Sejahtera-Ku sendiri Kuberikan kepadamu. Apa yang Kuberikan kepadamu bukan seperti yang disogokkan oleh dunia. Janganlah resah hatimu dan janganlah takut.”*

*Yesus berkata lagi kepada mereka, "Damai sejahtera kepada kamu! Sebagaimana Bapa mengutus-Ku, begitulah Aku mengutusmu.”*

**CADANGAN LAGU PENUTUP: ENKKAU SETIA**

1. Tiada yang dapat pisahkan 'Ku dari terangnya kasih-Mu  
Kauhadirkan ketenangan  
Yang 'tak bisa dunia berikan

2. Kini 'Kau pegang hidupku  
Dan 'Kau hapus kesalahanku  
Berharganya pengorbanan  
Yang memberikan kes'lamatan

Reff:

*Kau hadir di setiap langkahku  
Ku aman di dalam hadirat-Mu  
Kau buktikan Engkau setia  
Kan kuangkat tinggi tanganku  
Tanda kuberserah kepada-Mu  
Selamanya Engkau setia*

Pautan:

<https://youtu.be/qn5bWAqR5Js>

**BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA**, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

**Latihan Tekun Berdoa:**

Aturkan jadual harian untuk berdoa syafaat sepanjang minggu ini. Latihkan diri untuk mendisiplinkan diri dalam doa. Lihatlah bagaimana Tuhan bekerja oleh kerana kesetiaanmu!

CADANGAN JADUAL HARIAN UNTUK BERDOA SYAFAAT						
	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
Pagi	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid	Keluarga Pandemik Covid
Tengah hari	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat	Gereja Jiwa yang sesat
Petang	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial	Golongan ditindas Keadilan Sosial
Malam	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa	Negara Sistem Perundangan Bangsa-bangsa